

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : KEPENTINGAN LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA
SEBAGAI PENYUMBANG HASIL KEPADA PIHAK
BERKUASA NEGERI DAN PEMEGANGNYA
(KAJIAN KES DI DAERAH PEKAN, PAHANG)

SESI PENGAJIAN : 2005 / 2006

Saya **HASNUL BIN MOHAMED**
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (~~PSM~~ / Sarjana / ~~Doktor Falsafah~~)* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan teks ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. ** Sila tandakan (√)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972).

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi / badan di mana penyelidikan dijalankan).

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh

 (TANDATANGAN PENULIS)

 (TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap :

1196, LORONG S2 A33/2,
CENTRAL PARK SEREMBAN 2,
70300 SEREMBAN,
N. SEMBILAN DARUL KHUSUS

DR. HAJJAH ASIAH BT. OTHMAN
 Nama Penyelia

Tarikh : 11 Mei 2006

Tarikh : 11 Mei 2006

CATATAN * Potong yang tidak berkenaan
 ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat dari pihak berkuasa / organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
 Tesis ini dimaksudkan sebagai tesis Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus atau penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM)

**KEPENTINGAN LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA
SEBAGAI PENYUMBANG HASIL KEPADA
PIHAK BERKUASA NEGERI DAN PEMEGANGNYA
(KAJIAN KES DI DAERAH PEKAN, PAHANG)**

HASNUL BIN MOHAMED

**Tesis Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi
Syarat Penganugerahan Ijazah Sarjana Sains
(Pentadbiran Dan Pembangunan Tanah)**

**Fakulti Kejuruteraan Dan Sains Geoinformasi
Universiti Teknologi Malaysia**

Mei, 2006

PENGESAHAN

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan

Ijazah Sarjana Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah)”

Tandatangan : _____
Nama Penyelia : DR. HAJJAH ASIAH BINTI OTHMAN
Tarikh : 11 Mei 2006

PENGAKUAN

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.”

Tandatangan : _____
Nama Penulis : HASNUL BIN MOHAMED
Tarikh : 11 MEI 2006

DEDIKASI

*Isteriku tersayang Anita,
putera-puteriku dikasihni -
Muhammad Haziq, Muhammad Hazim,
Ainul Hazirah dan Muhammad Hatim,*

banyak masa untuk kita bersama telah dikorbankan dalam menyempurnakan pengajian dan kajian ini. Pengorbanan itu sebenarnya adalah pelaburan untuk masa depan keluarga kita.

Ayah dan Ummi tercinta,
doa dan dorongan yang berterusan memberikan kekuatan untukku mencari yang terbaik sebagai pengisian hidup ini.

PENGHARGAAN

Penghargaan yang tidak terhingga ditujukan kepada Dr. Hajjah Asiah bt Othman selaku penyelia kepada Projek Sarjana ini. Pandangan dan bimbingan beliau telah banyak menyumbang kepada pelaksanaan kajian dan penghasilan penulisan ini. Tidak lupa juga, penghargaan kepada pensyarah-pensyarah lain yang turut memberikan pandangan untuk penambahbaikan penulisan ini. Sumbangan kalian amat sukar untuk dibalas.

Terima kasih dirakamkan kepada pegawai-pegawai dan warga kerja di Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang, Unit Perancang Ekonomi Negeri Pahang, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang dan Pejabat Daerah dan Tanah Pekan yang telah memberikan kerjasama yang amat baik sepanjang kajian ini dilaksanakan. Begitu juga kepada pembanci-pembanci yang telah menjalankan kerja kutipan data.

Terima kasih turut ditujukan kepada rakan-rakan yang tidak ketinggalan memberikan pandangan dan kerjasama bagi memudahkan pelaksanaan kajian serta memperkemaskan lagi penulisan ini.

ABSTRAK

Lesen Pendudukan Sementara (LPS) merupakan salah satu kaedah pelupusan tanah yang menyediakan peluang kepada masyarakat untuk mengusahakannya bagi meningkatkan hasil pendapatan. Masyarakat mempunyai anggapan bahawa LPS sebagai prasyarat yang membolehkannya memiliki tanah. Proses permohonan LPS pula lebih cepat berbanding dengan permohonan hakmilik kerana kuasa pelupusannya diturunkan kepada Pentadbir Tanah Daerah (PTD). Manakala bagi Pihak Berkuasa Negeri (PBN), LPS merupakan salah satu kaedah pelupusan yang bersifat sementara dan boleh menyumbang hasil negeri. Isunya, masyarakat berada dalam keadaan yang tersepit apabila dibebani dengan kadar bayaran yang tinggi dan hak pegangannya pula adalah terhad. Seolah-olah wujud konflik antara harapan masyarakat dan matlamat PBN untuk meningkatkan hasil. Titik pertembungan kedua-dua pihak ini perlu dicari kerana masing-masing mempunyai peranan sebagai penyumbang hasil untuk pembangunan dan meningkatkan ekonomi negeri. Sehubungan dengan itu, kajian ini menekankan kepada aktiviti pemegang LPS dalam usaha meningkatkan hasil pendapatan mereka. Kajian ini mempunyai matlamat untuk mewujudkan kaedah pengeluaran LPS yang mapan. Mapan dari segi keupayaannya untuk meningkatkan hasil kepada masyarakat iaitu pemegang LPS dan juga PBN. Daerah Pekan, Pahang telah dipilih sebagai kawasan kajian. Sebanyak tiga objektif telah ditetapkan oleh kajian ini. Analisis deskriptif dilakukan demi mencapai objektif kajian. Beberapa penemuan telah diperolehi yang tidak hanya menyentuh aspek pentadbiran LPS di peringkat PTD tetapi juga aspek-aspek berkaitan aspirasi dan pendapat pemegang LPS. Lanjutan dari penemuan yang diperolehi, sebanyak lima cadangan telah dikemukakan oleh kajian ini. Cadangan paling asas adalah dari segi perekodan LPS dan sistem permarkahan permohonan yang lebih tepat oleh PTD. Cadangan lain termasuklah mewujudkan kawasan khas untuk permohonan LPS, kajian semula kaedah serta kadar bayaran dan menyediakan dasar pemberian hakmilik yang jelas kepada pemegang LPS yang mengusahakan tanahnya. Pelaksanaan cadangan-cadangan tersebut akan membawa kepada hubungan yang lebih harmoni dan gandingan usaha yang lebih kukuh untuk menumbang hasil yang lebih tinggi kepada pemegang LPS dan PBN.

ABSTRACT

As one of the land disposal methods, Temporary Occupation License (TOL) provides opportunity to the society to increase their income. Furthermore, the application process took much shorter time to be approved compared to title application. The society had considered TOL as one of precondition in land alienating which could enable them to obtain title for a land. Where as, in the point of view of the State Authority (SA), TOL is a temporary method to disposing land and it could contribute income to state. The issue that arises with this method is that the society have to come to face with some difficulty when they are burdened with the high annual fee and the limitation of ownership to their land. It looks like that conflict had arisen with the societies hope and the income contribution from the land to SA. Equilibrium point has to be sort out for both, the society and SA, for they have their own importance in their own ways in contributing to the state economy. This research is being carried out with focus on the effort taken by the society and income contribution from TOL, in order to achieve its goal to make TOL as an effective land disposal method. The effectiveness is in term of income contribution to both the society, which is the holders of TOL, and also SA. Due to this, Pekan district in Pahang had been chosen as the research sample area. Three objectives had been layout for this research. The descriptive analysis had been carried out in order to attain these objectives. The research finding not only focuses from the land administrative perspective but also other related aspects including the aspiration and views of TOL the holders. From the findings, recommendations had been made. The most basic recommendation is an internal information updating process in term of TOL records and more accurate marking system by the Land Administrator. Other recommendations includes to establish a special area for TOL, revision on the term and rates to be charged to the TOL holders and a clear policy on title issuance for the TOL holders who developed their land. When the recommendation is followed, it's hoped that more harmonious and stronger relationship between the TOL holder and SA could arise, which in the end could contribute more income to the state.

SENARAI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	BORANG PENGESAHAN TESIS	
	HALAMAN JUDUL	
	PENGESAHAN	ii
	PENGAKUAN	iii
	DEDIKASI	iv
	PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	<i>ABSTRACT</i>	vii
	SENARAI KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xv
	SENARAI KES	xvi
	SENARAI SINGKATAN	xvii
	SENARAI LAMPIRAN	xviii
1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Penyataan Masalah	6
	1.3 Matlamat Kajian	9
	1.4 Objektif Kajian	9
	1.5 Skop Kajian	10

1.6	Kepentingan Kajian	11
1.7	Metodologi Kajian	12
1.8	Susun Atur Bab	16
2	LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA DARI SEGI UNDANG-UNDANG DAN HAK PEMEGANGNYA	
2.1	Pengenalan	20
2.2	Latar Belakang LPS	21
2.2.1	Ciri	21
2.2.2	Tujuan	22
2.3	Kriteria Pengeluaran LPS	23
2.3.1	Kawasan	23
2.3.2	Kelayakan Pemohon	24
2.3.3	Maksud Kegunaan	25
2.4	Hak Pemegang	26
2.5	Kesimpulan	29
3	KAWASAN KAJIAN	
3.1	Pengenalan	30
3.2	Latar Belakang Kawasan Kajian	30
3.3	Demografi	32
3.3.1	Keluasan dan Taburan Penduduk	32
3.3.2	Komposisi Kaum	33
3.3.3	Pecahan Guna Tanah	34
3.4	Pegangan LPS	35
3.5	Kuasa Meluluskan LPS Di Negeri Pahang	37
3.6	Penentuan Kelayakan Pemohon	40
3.7	Syarat Kelulusan dan Kawasan Yang Boleh Dipohon LPS	42
3.8	Prosedur Pengeluaran LPS	42

3.8.1	Permohonan LPS	42
3.8.2	Permohonan Membaharui	47
3.9	Galakan Pembaharuan	48
3.10	Kutipan Hasil LPS	49
3.11	Kesimpulan	50
4	METODOLOGI KAJIAN	
4.1	Pengenalan	51
4.2	Reka Bentuk Kajian	51
4.3	Peringkat Pertama – Awalan	52
4.4	Peringkat Kedua – Kajian Literatur	52
4.5	Peringkat Ketiga – Pengumpulan Data	53
4.5.1	Persampelan	54
4.5.2	Soalselidik	56
4.5.3	Kaedah Pengumpulan Data	56
4.6	Peringkat Keempat - Analisis	57
4.7	Peringkat Kelima – Cadangan dan Kesimpulan	57
5	ANALISIS DAN PENEMUAN KAJIAN	
5.1	Pengenalan	59
5.2	Pendekatan Analisis	60
5.3	Latar Belakang Responden	60
5.3.1	Jantina	60
5.3.2	Kaum	61
5.3.3	Umur	62
5.3.4	Pekerjaan	63
5.3.5	Taraf Perkahwinan	65
5.3.6	Pendapatan Bulanan	66
5.4	Analisis Aktiviti	68
5.4.1	Kaitan Faktor Latar Belakang Dengan Aktiviti	68

5.4.1.1	Jantina	68
5.4.1.2	Kaum	69
5.4.1.3	Umur	70
5.4.1.4	Pekerjaan	71
5.4.1.5	Taraf Perkahwinan	72
5.4.1.6	Pendapatan Bulanan	73
5.4.2	Faktor Tidak Usaha	73
5.4.3	Kaedah Usaha	74
5.4.4	Hasil Pendapatan Tahunan Dari Kawasan LPS	75
5.4.5	Penemuan	78
5.5	Analisis Tanggung Jawab	79
5.5.1	Kaitan Faktor Latar Belakang Dengan Sokongan Pendekatan PBN Untuk Menggalakkan LPS	79
5.5.1.1	Jantina	80
5.5.1.2	Kaum	80
5.5.1.3	Umur	81
5.5.1.4	Pekerjaan	82
5.5.1.5	Taraf Perkahwinan	83
5.5.1.6	Pendapatan Bulanan	83
5.5.2	Faktor Sokongan	84
5.5.3	Tindakan Pembaharuan LPS	88
5.5.4	Penerimaan Terhadap Kadar Bayaran Tahunan	90
5.5.5	Penemuan	92
5.6	Kesimpulan	93
6	CADANGAN DAN KESIMPULAN	
6.1	Pengenalan	94
6.2	Cadangan	94

6.2.1	Pengemaskinian Daftar LPS	95
6.2.1.1	Kesan Jangkaan	97
6.2.2	Menyediakan Sistem Permarkahan Yang Menepati Keadaan Semasa	98
6.2.2.1	Kesan Jangkaan	99
6.2.3	Wujudkan Kawasan Khusus	100
6.2.3.1	Kesan Jangkaan	101
6.2.4	Mengkaji Semula Kadar Bayaran Tahunan LPS	102
6.2.4.1	Kesan Jangkaan	103
6.2.5	Pemberian Hakmilik Kepada Yang Usaha	103
6.2.5.1	Kesan Jangkaan	104
6.3	Masalah dan Limitasi Kajian	105
6.4	Cadangan Kajian Lanjutan	105
6.5	Kesimpulan	106

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK JADUAL	MUKA SURAT
3.1	Keluasan dan Taburan Penduduk (Tahun 2003)	32
3.2	Komposisi Kaum	33
3.3	Pecahan Guna Tanah (Tahun 2004)	34
3.4	Pegangan LPS Mengikut Maksud Kegunaan	35
3.5	Pegangan LPS Mengikut Mukim Di Daerah Pekan	36
4.1	Agihan Sampel Mengikut Zon	55
5.1	Senarai Pekerjaan	64
5.2	Perbandingan Jantina Dengan Aktiviti	69
5.3	Perbandingan Kaum Dengan Aktiviti	69
5.4	Perbandingan Umur Dengan Aktiviti	70
5.5	Perbandingan Pekerjaan Dengan Aktiviti	71
5.6	Perbandingan Taraf Perkahwinan Dengan Aktiviti	72
5.7	Perbandingan Pendapatan Bulanan Dengan Aktiviti	73
5.8	Faktor Tidak Usaha	74
5.9	Pendapatan Setahun Dari Usaha Sendiri	76
5.10	Perbandingan Jantina Dengan Sokongan Pendekatan PBN Untuk Menggalakkan LPS	80
5.11	Perbandingan Kaum Dengan Sokongan Pendekatan PBN Untuk Menggalakkan LPS	81

5.12	Perbandingan Umur Dengan Sokongan Pendekatan PBN Untuk Menggalakkan LPS	81
5.13	Perbandingan Pekerjaan Dengan Sokongan Pendekatan PBN Untuk Menggalakkan LPS	82
5.14	Perbandingan Taraf Perkahwinan Dengan Sokongan Pendekatan PBN Untuk Menggalakkan LPS	83
5.15	Perbandingan Pendapatan Bulanan Dengan Sokongan Pendekatan PBN Untuk Menggalakkan LPS	84
5.16	Kadar Cadangan	92

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK RAJAH	MUKA SURAT
1.1	Kategori Pelupusan Tanah	4
1.2	Carta Aliran Kajian Penyelidikan	15
3.1	Peta Daerah Pekan	31
3.2	Saringan Bilangan LPS Menepati Skop Kajian	37
3.3	Prosedur Permohonan LPS	46
3.4	Prosedur Permohonan Membaharui LPS	47
5.1	Jantina	61
5.2	Kaum	62
5.3	Umur	63
5.4	Kategori Pekerjaan	65
5.5	Taraf Perkahwinan	66
5.6	Pendapatan Bulanan	67
5.7	Kaedah Usaha	75
5.8	Cadangan Penambahbaikan LPS	77
5.9	Penerimaan Pendekatan Yang Menggalakkan LPS	85
5.10	Alasan Bersetuju Pendekatan Menggalakkan LPS	86
5.11	Alasan Tidak Bersetuju Menggalakkan LPS	87
5.12	Kekerapan Baharui	88
5.13	Bulan Kemuka Pembaharuan	89
5.14	Penerimaan Kadar Bayaran Tahunan Semasa	91

SENARAI KES

BIL.	TAJUK KES	MUKA SURAT
1	Paruvathy a/p Murugiah lwn Krishnan s/o Doraisamy [1983] 2 MLJ 121	26
2	Cheo Lean How lwn Fock Fong Looi. [1985] 2 MLJ 440	26
3	Fatimah lwn Moideen Kutty (1969) [1969] 1 MLJ 72	27
4	Papoo lwn Veeriah [1965] MLJ 172	27
5	Mohamed Said lwn Fatimah [1969] MLJ 328	27

SENARAI SINGKATAN


ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
APTN	Arahan Pentadbiran Tanah Negeri
FELCRA	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
JKKK	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
JKPTD	Jawatankuasa Penyelesaian Tanah Daerah
JKPTN	Jawatankuasa Pembangunan Tanah Negeri
KPPTD	Ketua Penolong Pentadbir Tanah Daerah
KTN	Kanun Tanah Negara
KTP	Kaedah Tanah Pahang
LPS	Lesen Pendudukan Sementara
MMK	Majlis Mesyuarat Kerajaan
PBN	Pihak Berkuasa Negeri
PPT	Penolong Pegawai Tanah
PPTN	Pekeliling Pentadbiran Tanah Negeri
PTD	Pentadbir Tanah Daerah
PTG	Pengarah Tanah dan Galian Negeri
SPTB	Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran A : Markah Kelayakan Pemohon
- Lampiran B : Borang 4 [Kaedah 30(1) dan 34 (1)] KTP – Borang Permohonan Lesen Pendudukan Sementara
- Lampiran C : Borang PTN/F4 (PIND.1/2003) – Laporan Penolong Pegawai Tanah
- Lampiran D : Borang 4A (Seksyen 67 KTN) – Lesen Pendudukan Sementara
- Lampiran E : Borang Permohonan Membaharui LPS
- Lampiran F : Borang Soalselidik
- Lampiran G : Format Soalan Temubual Pegawai

BAB 1

**KEPENTINGAN LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA SEBAGAI
PENYUMBANG HASIL KEPADA PIHAK BERKUASA NEGERI
DAN PEMEGANGNYA (KAJIAN KES DI DAERAH PEKAN, PAHANG)**



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Malaysia sebagai sebuah Negara Persekutuan telah menetapkan pengagihan kuasa antara pusat dan negeri melalui Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Perkara 2 Senarai II- Senarai Negeri Jadual Kesembilan menjelaskan aspek tanah menjadi kuasa negeri dengan menyebutkan bahawa :

“Kecuali mengenai Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya tanah termasuk –

- (i) Pemegangan tanah; perhubungan antara tuan tanah dengan penyewa; pendaftaran hak milik dan surat ikatan mengenai tanah; penerokaan, kemajuan tanah dan memelihara tanah; sekatan sewa;
- (ii) Rizab Melayu atau; di Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak, dan bumiputera;
- (iii) Permit dan lesen untuk mencari galian; pajakan lombong dan perakuan lombong;
- (iv) Pengambilan tanah secara paksa;
- (v) Pindah milik tanah, gadai janji, pajakan dan gadaian mengenai tanah; melapangkan; dan
- (vi) Per Kembalian harta kepada Kerajaan; harta karun tidak termasuk barang purba.”

Dengan itu, tanah adalah merupakan aset yang sangat penting kepada negeri iaitu sebagai simbol kedaulatan dan juga sumber yang boleh menyumbangkan hasil kewangan. Antara bentuk sumbangan hasil tanah adalah melalui kaedah pembangunan, urusniaga dan pelupusan yang telah diberikan kuasa oleh Seksyen 42(1) Kanun Tanah Negara (KTN) yang menyebut :

- (i) tertakluk kepada subseksyen (2), PBN hendaklah mempunyai kuasa di bawah akta ini :
 - a. untuk memberimilik tanah Kerajaan selaras dengan peruntukan-peruntukan Seksyen 76;
 - b. untuk merizabkan tanah Kerajaan, dan memberi pajakan tanah rizab, selaras dengan peruntukan-peruntukan Bab 1 Bahagian Empat;
 - c. untuk membenarkan pendudukan tanah Kerajaan, tanah rizab dan tanah lombong di bawah Lesen Pendudukan Sementara (LPS) yang dikeluarkan selaras dengan peruntukan-peruntukan Bab 2 Bahagian Empat;
 - d. untuk membenarkan mengeluarkan dan mengambil dari mana-mana tanah, selain dari hutan simpanan, selaras dengan peruntukan-peruntukan Bab 3 Bahagian Empat;
 - e. untuk membenarkan penggunaan ruang udara atas tanah Kerajaan atau tanah rizab selaras dengan peruntukan-peruntukan Bab 4 Bahagian Empat dengan syarat bahawa ruang udara tersebut hendaklah dalam lingkungan rangkai apa-apa jenis yang dibina di atasnya.


Pelupusan terbahagi kepada dua kategori iaitu yang pertama disebut sebagai pelupusan secara pemberimilikan sama ada di atas tanah atau di bawah tanah. Seksyen 76 KTN memberikan pengertian pemberimilikan tanah terdiri daripada pelupusan :

- (i) untuk satu tempoh yang tidak melebihi dari sembilan puluh sembilan tahun;

- (ii) buat selama-lamanya :
 - a. jika sekiranya Kerajaan Persekutuan memerlukan PBN menyebabkan geran buat selama-lamanya dibuat kepada Kerajaan Persekutuan atau kepada pihak berkuasa awam atau jika sekiranya Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bersetuju untuk membuat suatu geran buat selama-lamanya kepada Kerajaan Persekutuan;
 - b. jika sekiranya PBN berpuas hati bahawa tanah itu akan digunakan untuk tujuan awam; atau
 - c. jika sekiranya PBN berpuas hati bahawa terdapat keadaan-keadaan khas yang memerlukan ia dibuat demikian;
- (iii) sebagai balasan pembayaran sewa tahunan;
- (iv) sebagai balasan bayaran premium, melainkan PBN fikirkan sesuai untuk melepaskan daripadanya dalam mana-mana kes tertentu;
- (v) tertakluk, melainkan PBN mengarahkan sebaliknya menurut subseksyen (5) Seksyen 52 KTN, kepada suatu kategori penggunaan tanah yang ditentukan selaras dengan subseksyen (2) dan (3) seksyen itu; dan
- (vi) tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan kepentingan sebagai mana yang dikenakan oleh PBN di bawah, atau yang boleh dipakai kepadanya menurut kuasa, mana-mana peruntukan KTN.

Manakala kategori yang kedua pula disebut sebagai pelupusan dalam cara selain daripada pemberimilikan. Terdapat empat jenis pelupusan cara ini seperti yang dijelaskan oleh Bahagian Empat KTN iaitu :

- (i) Perizapan tanah;
- (ii) Pendudukan tanah sementara (LPS);
- (iii) Pemindahan bahan batuan; dan
- (iv) Permit bagi penggunaan ruang udara atas tanah Kerajaan dan tanah rizab.



Rajah 1.1 : Kategori Pelupusan Tanah

Sumber : Kanun Tanah Negara

Seksyen 42 KTN memberi kuasa kepada PBN untuk melupuskan hak sesuatu tanah kepada orang dan badan. Seksyen 43 KTN pula menetapkan orang dan badan yang boleh dilupuskan tanah iaitu :

- (i) orang-orang benar selain daripada remaja;
- (ii) perbadanan-perbadanan yang mempunyai kuasa di bawah perlembagaan mereka untuk memegang tanah;

- (iii) raja-raja pemerintah, kerajaan, organisasi dan lain-lain orang yang diberi kuasa untuk memegang tanah di bawah peruntukan-peruntukan Ordinan Keistimewaan Diplomatik dan Konsular, 1957; dan
- (iv) badan-badan yang diberi kuasa secara nyata untuk memegang tanah di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain.

Melalui kaedah pelupusan juga PBN memperoleh sebahagian hasil tanah dalam bentuk cukai tahunan, premium, bayaran lesen dan fee dari orang atau badan yang diberikan hak ke atas sesuatu tanah sebagai sumber bagi pelaksanaan pembangunan negeri sebagaimana kuasa yang telah diperuntukan oleh Seksyen 14(1)(e) hingga (g) KTN iaitu :

“(1) Tertakluk kepada subseksyen (2), PBN bolehlah membuat kaedah-kaedah amnya untuk menjalankan objek dan maksud Akta ini di dalam negeri itu, dan khasnya, tetapi tanpa menyentuh keluasan makna peruntukan yang terdahulu, bolehlah dengan kaedah sedemikian, membuat peruntukan mengenai :

- (i) kadar (yang merupakan kadar sehektar atau lain-lain unit kawasan yang lebih kecil) yang mana sewa dan premium (jika ada) hendak dikenakan berkenaan dengan pemberimilikan di bawah Akta ini mengenai tanah dari mana-mana kelas atau jenis adalah, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, dihitung;
- (ii) pembayaran yang hendak dibuat di bawah, dan lain-lain bayaran sampingan mengenai lesen dan permit yang dikeluarkan di bawah Akta ini;
- (iii) fee atau levi yang hendak dibayar berkaitan dengan apa-apa perkara yang berbangkit di bawah Akta ini”

1.2 Penyataan Masalah

Tanah merupakan penyumbang utama bagi hasil negeri khususnya di Negeri Pahang Darul Makmur berbanding dengan 4 kategori hasil negeri yang lain iaitu hutan, air, geran Kerajaan Persekutuan dan lain-lain (seperti sewaan bangunan, cukai tempat hiburan, pendaftaran nikah cerai dan dividen ke atas simpanan).

Pada tahun 2003, tanah menyumbang hasil sejumlah RM124.77 juta atau bersamaan 29.66 peratus daripada keseluruhan hasil yang dikutip iaitu RM420.62 juta. Manakala dari keseluruhan hasil tanah tersebut sebanyak RM103.00 juta atau 82.55 peratus disumbangkan oleh sumber yang berkaitan pelupusan seperti cukai tanah, premium, pemindahan bahan batuan dan LPS. Sumbangan LPS pula adalah sebanyak RM2.00 juta atau 1.60 peratus daripada hasil tanah.

Manakala pada tahun 2004 sebanyak RM151.45 juta berjaya diperolehi dari hasil tanah yang mewakili 31.16 peratus daripada keseluruhan hasil negeri iaitu RM486.04 juta. Sebanyak RM131.82 juta iaitu 87.04 peratus dari hasil tanah adalah dari sumber berkaitan pelupusan yang mana LPS menyumbang sebanyak RM2.71 juta atau 1.79 peratus.

Peningkatan hasil kewangan kepada Kerajaan khasnya dari sumber utama tanah adalah sesuatu yang positif kerana ia membolehkan Kerajaan melipatgandakan pembangunan negeri untuk manfaat masyarakat secara umum.

Sebaliknya jika dirujuk secara khusus kepada masyarakat yang menerima pelupusan tanah, zahirnya banyak yang tidak dimanfaatkan dan tidak membantu meningkat hasil pendapatan pemilik. Ini terbukti berdasarkan perangkaan tahun 2004 oleh Jabatan Pertanian Negeri Pahang yang menunjukkan terdapat 2,503 hektar tanah terbiar di Negeri Pahang dan daerah Pekan menduduki tempat teratas dengan keluasan 1013 hektar atau 40.47 peratus dari jumlah keseluruhan. Tanah yang tidak dimajukan secara tidak disedari sebenarnya merupakan satu bebanan kepada

pemilikinya kerana ia menjadi aset yang tidak produktif tetapi mereka tidak terkecuali dari membayar cukai tanah seperti ketetapan Seksyen 94(1) KTN iaitu :

- (i) Sewa yang dikenakan berkenaan mana-mana tanah bermilik hendaklah kena dibayar bermula dari awal tahun kalendar bila mana tanah itu diberimilik atau, jika ia diberimilik selepas hujung tahun September dalam tahun itu, bermula dari awal tahun calendar yang berikut.

Femomena tanah terbiar tersebut hanya merujuk kepada tanah milik kerana tiada kajian dilakukan ke atas tanah LPS. Tidak mustahil keadaannya hampir sama bagi tanah LPS sekiranya disandarkan kepada sikap masyarakat yang telah ditunjukkan melalui tanah milik.

Melihat kepada kepentingan hasil tanah kepada PBN dan realiti usaha oleh pemiliknya, memperlihatkan wujudnya ketidakseimbangan dari segi perolehan manfaat ke atas tanah oleh kedua-dua pihak tersebut. Tambahan pula, pelupusan tanah secara bermilik dan LPS merupakan kaedah yang melibatkan masyarakat kebanyakan dan boleh membawa kesan sosial serta politik jika tidak dikendalikan dengan bijak. Antara kedua-dua jenis pelupusan berkenaan, pemilik tanah (mendapat tanah secara pelupusan pemberimilikan) lebih bernasib baik kerana mereka mempunyai hak yang lebih berbanding dengan pemegang LPS. Ini adalah kerana pemilik tanah boleh melaksanakan urusanniaga seperti memajak atau gadaian jika mereka tidak berupaya mengusahakannya sendiri. Malah mereka juga boleh memilih jalan akhir iaitu menjual tanah tersebut dan memperolehi keuntungan dalam bentuk kewangan. Perkara ini boleh dilakukan kerana tanah yang diberimilik memberikan hak yang kukuh kepada pemiliknya seperti yang diperuntukan dalam KTN.

Malangnya pemegang LPS tidak memperolehi kelebihan seperti yang ada pada pemilik tanah. Keadaan ini menjadikan pegangan LPS lebih membebankan kerana pemegang LPS perlu mengeluarkan kos yang setara dengan pemilik tanah bagi mengusahakan tanahnya. Tambahan pula bagi Negeri Pahang kadar bayaran

LPS yang dikenakan adalah tinggi berbanding tanah milik. Secara perbandingan kadar cukai tahunan yang ditetapkan oleh Kaedah Tanah Pahang (KTP) bagi tanah pertanian dusun yang berkeluasan 4 hektar dan kurang adalah sebanyak RM12.50 sehektar, manakala bayaran tahunan LPS untuk tanaman kontan seperti yang ditetapkan oleh Arahan Pentadbir Tanah Negeri (APTN) Bil.5/1998 adalah sebanyak RM50.00 seekar. Unit sukatan yang digunakan untuk tanah milik dan LPS oleh PBN adalah berbeza dan sekiranya sukatan hektar digunakan ke atas LPS, kadar bayarannya adalah RM123.55 sehektar untuk setahun.

Walaupun begitu permohonan LPS di kalangan masyarakat tetap tinggi dan ia dibuktikan oleh bilangan tunggakan permohonan LPS di Pejabat Daerah dan Tanah Pekan, Pahang yang berjumlah 3,048 berbanding dengan permohonan hakmilik sebanyak 1,170 bagi tempoh sehingga Januari 2006.

Bagi pihak PBN ia menunjukkan potensi hasil yang memberangsangkan kerana kadar bayaran LPS lebih tinggi berbanding dengan pemilik tanah.

Manakala di pihak masyarakat yang memerlukan tanah pula, mereka melihat LPS lebih mudah dipohon kerana prosesnya lebih singkat memandangkan PBN telah menurunkan kuasa pelupusannya kepada Pentadbir Tanah Daerah (PTD). Oleh kerana prosesnya lebih singkat, masa yang diambil untuk mendapatkan keputusan adalah lebih cepat berbanding dengan permohonan hakmilik. Di samping itu, terdapat juga faktor salah anggapan masyarakat bahawa pemberian LPS merupakan satu cara untuk mendapatkan hakmilik kekal daripada Kerajaan (Mohamad Asri, 1998). Salah anggapan ini sebenarnya bukanlah sesuatu yang tidak berasas kerana terdapat di kalangan bekas pemegang LPS yang telah memperolehi hakmilik ke atas tanah berkenaan. Walaupun bukan kemestian untuk PBN memberikan hakmilik kepada pemegang LPS tetapi ianya terus berlaku dengan jelas dan menjadikan salah anggapan itu sukar untuk diperbetulkan.

Perspektif yang berbeza antara pihak PBN dan masyarakat ini akan membawa kekecewaan kepada kedua-dua pihak. Tambahan pula dengan pendekatan pengendalian pelupusan LPS dan pungutan hasil oleh PBN yang tidak mendalami hasrat di peringkat masyarakat. Pemahaman hasrat di antara kedua-duanya amat penting untuk menjadikan LPS sebagai alat penyumbang hasil yang mapan kepada pembangunan ekonomi bersama. Oleh kerana itu, peraturan dan undang-undang mengenai LPS yang berusia lebih satu abad perlu disemak. Persoalannya bagaimanakah untuk menjadikan LPS lebih bermakna, lebih efektif dan sesuai kepada semua pihak yang berkaitan (Salleh Buang, 1992).

1.3 Matlamat Kajian

Matlamat kajian ini adalah untuk membentuk satu kaedah ke arah menjadikan LPS sebagai satu pendekatan yang mapan untuk meningkatkan hasil pendapatan masyarakat dan negeri.

1.4 Objektif Kajian

Bagi mencapai matlamat kajian, beberapa objektif kajian telah dikenal pasti seperti mana berikut :

- (i) Meneliti kaedah dan peraturan pemberian LPS;
- (ii) Mengkaji aktiviti pemegang LPS di kawasan kajian; dan
- (iii) Mengenal pasti tanggung jawab pemegang LPS terhadap peranannya sebagai penyumbang hasil negeri.

1.5 Skop Kajian

Kajian dibuat terhadap pegangan LPS individu yang diluluskan untuk kegunaan pertanian darat selain dari tanaman padi. Pertanian darat yang dimaksudkan adalah untuk kegunaan tanaman kontan, kolam ikan / udang dan ternakan. Ia melibatkan LPS yang masih berkuatkuasa serta diluluskan pada tahun 2003 dan sebelumnya. LPS yang tidak diperbaharui lebih 3 tahun kebelakang dari tahun 2004 dianggap tidak lagi berkuatkuasa.

LPS yang diluluskan pada 2004 dan 2005 tidak dimasukkan dalam kajian ini memandangkan ada kelulusan yang dikeluarkan pada hujung tahun. Tidak adil bagi mereka untuk diambilkira kerana tempoh yang suntuk untuk memajukannya. Begitu juga dengan LPS untuk kegunaan padi tidak diambil kira oleh kajian ini kerana pengamatan pengkaji menunjukkan secara keseluruhannya ia diusahakan secara sepakat yang diselia oleh pihak Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Begitu juga dengan LPS pegangan syarikat dan persatuan tidak dimasukkan kerana pihak tersebut merupakan organisasi yang mempunyai kepentingan berbeza daripada individu.

Kajian ini dijalankan di Negeri Pahang dan daerah Pekan dijadikan kajian kes. Daerah Pekan dipilih kerana ia adalah antara daerah di Negeri Pahang yang banyak mengutip hasil LPS pada tahun 2004. Iaitu menduduki tempat kelima daripada 11 daerah selepas daerah Cameron Highlands, Kuantan, Raub dan Maran. Keadaan geografinya menjadikan ciri petempatan masyarakatnya lebih pelbagai umpamanya pesisiran sungai, pesisiran laut dan pedalaman. Ia menjadi kelebihan kepada Pekan untuk dijadikan model bagi Negeri Pahang Darul Makmur.

Tambahan pula, kajian berkaitan LPS yang pernah dijalankan sebelum ini adalah amat terhad dan lebih menjurus kepada kesannya terhadap sektor-sektor tertentu seperti pelancongan dan juga pembangunan di bandar. Namun kajian tidak

pernah dijalankan terhadap isu yang merentasi sektor khususnya di Pahang dan perspektif inilah yang disentuh dalam kajian ini iaitu melalui aspek hasil.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini akan menambahkan lagi khazanah rujukan berkenaan LPS dan dapat menjadi sumber untuk menyemak semula serta memperkemaskan penggunaan LPS sebagai salah satu kaedah pelupusan tanah. Ini memandangkan LPS telah diperkenalkan lebih dari satu abad dan telah banyak pihak termasuk masyarakat memperkatakan mengenai kekurangannya yang menjadi beban kepada pemegang LPS. Hasil kajian ini juga secara khususnya memberi manfaat kepada pihak-pihak berikut :

(i) Pihak Berkuasa Negeri (PBN)

Kajian ini akan menerangkan senario sebenar mengenai pemegangan LPS di peringkat akar umbi. Penghuraian senario ini di daerah Pekan akan memberikan inspirasi kepada PBN untuk meneliti keadaan di daerah-daerah lain bagi memantapkan lagi peraturan tanah di Negeri Pahang. Ia seterusnya akan menjadi panduan kepada PBN untuk merangka sebarang dasar yang lebih adil mengenai pelupusan tanah khususnya dalam pengeluaran LPS dan juga hakmilik untuk kegunaan pertanian di masa hadapan. Dasar tersebut akan lebih menyeluruh dengan mengambil kira kesannya ke atas penambahan hasil negeri dan juga meningkatkan pendapatan rakyat. Pendekatan ini dipercayai akan dapat menyumbang kepada keadaan ekonomi yang lebih rancak.

- (ii) Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri (PTG)
Kajian ini akan menjadi input kepada pihak PTG untuk menggariskan sebarang bentuk arahan dari masa ke semasa bagi memperkemaskan dan melancarkan pentadbiran pelupusan tanah.

- (iii) Pejabat Tanah Daerah
Pejabat Tanah Daerah akan mendapat gambaran yang lebih jelas mengenai tahap pemajuan dan hasil kawasan LPS yang telah dikeluarkan. Ini akan membantu PTD untuk menentukan asas pertimbangan dan kelulusan permohonan LPS yang masih dalam proses secara lebih wajar. Ia juga untuk memastikan pelupusan LPS dapat dibuat dengan adil dan menyumbang kepada produktiviti ekonomi.

- (iv) Masyarakat
Masyarakat umum akan dapat meneliti situasi sebenar dalam pengagihan LPS serta tahap usaha yang telah dijalankan oleh pemegangnya bagi membangkitkan kesedaran mengenai kepentingan tanah sebagai sumber ekonomi diri dan juga negeri. Ia diharap dapat merubah persepsi masyarakat yang kebanyakannya melihat tanah semata-mata sebagai aset kebanggaan sahaja tetapi tidak sebagai sumber ekonomi yang dapat menjana pendapat yang lebih.

1.7 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan. Kaedah tersebut sesuai kerana kajian ini perlu untuk mendapatkan maklumat mengenai fenomena pemegangan LPS dari segi ianya diusahakan. Penemuan yang diperolehi menjadi penyumbang kepada

kesimpulan dan cadangan kajian. Ia juga dapat melihat corak keadaan sebenar dan membuat telahan untuk tindakan masa depan.

Sebelas mukim dalam daerah Pekan dibahagikan mengikut zon berdasarkan kedudukan lokasi iaitu zon persisiran pantai, persisiran sungai dan pedalaman. Zon Pesisiran Pantai merujuk kepada mukim yang menghadap Laut China Selatan iaitu Kuala Pahang, Pekan dan Bebar. Zon Pesisiran Sungai pula merupakan mukim-mukim yang direntasi dan bersempadan Sungai Pahang iaitu Pahang Tua, Langgar, Pulau Rusa, Ganchong, Temai dan Pulau Manis. Manakala Zon Pedalaman adalah mukim Lepar dan Penyor yang terletak di sebelah timur Jalan Kuantan-Segamat dengan keadaan muka bumi yang berbukit.

Bilangan sampel dipilih secara perkadaran sebenar mengikut zon-zon tersebut. Responden dari setiap zon tersebut dipilih secara rawak mudah untuk memperoleh data primer. Seterusnya kaedah temubual bersemuka digunakan kerana soal selidik memerlukan banyak maklumat yang mungkin sensitif kepada responden. Temubual ini akan dijalankan oleh pembanci dari kalangan penduduk setempat memandangkan mereka lebih memahami situasi di situ. Data primer juga diperolehi melalui temubual dengan pegawai yang berkaitan.

Data yang diperolehi dianalisis dengan melakukan *cross-tab* dan penelitian peratusan untuk menghuraikan situasi sebenar kes kajian serta membuat telahan. Cadangan dikemukakan berpandu kepada penemuan dan kesimpulan yang diperolehi.

Terdapat beberapa peringkat yang dilalui dalam melaksanakan kajian ini iaitu :

- (i) Peringkat Pertama - Awalan
 - a. Menetapkan tajuk penyelidikan dan pernyataan masalah; dan
 - b. Menetapkan objektif dan skop kajian.

- (ii) Peringkat Kedua - Kajian Literatur
 - a. Sumber-sumber literatur berkaitan topik ini dikenalpasti dari bahan-bahan penerbitan dan internet.

- (iii) Peringkat Ketiga - Pengumpulan Data

Pengumpulan data adalah dari dua sumber iaitu :


 - a. Sumber Sekunder – Kajian-kajian yang pernah dijalankan terdahulu, terbitan-terbitan seperti jurnal serta buku, undang-undang berkaitan tanah dan Arahan-arahan Pentadbiran Tanah yang dikeluarkan oleh sama ada Ketua Pengarah Tanah dan Galian ataupun PTG; dan
 - b. Sumber Primer – Perbincangan dengan pegawai-pegawai yang terlibat dalam pelupusan tanah di Pejabat Tanah dan soal selidik ke atas pemegang-pemegang LPS.

- (iv) Peringkat Keempat – Analisis dan Penemuan

Peringkat ini melibatkan dua proses :

 - a. Menyaring iaitu untuk memilih data yang berguna, hasil daripada pengumpulan data yang telah dijalankan; dan
 - b. Proses data dengan menggunakan kaedah statistik umpamanya dengan melakukan *cross-tab* dan penelitian peratusan.

- (v) Peringkat Kelima - Kesimpulan dan Cadangan
 - a. Analisis data yang telah dijalankan akan menghuraikan kesimpulan-kesimpulan terhadap situasi sebenar yang berlaku dan boleh dikaitan dengan masalah yang telah dikenalpasti;
 - b. Cadangan akan dikemukakan berdasarkan kesimpulan dan penemuan yang telah diperolehi. Cadangan ini akan dapat mengatasi masalah asal dan juga yang berkaitan dengannya.



Rajah 1.2 : Carta Aliran Kajian Penyelidikan

1.8 Susun Atur Bab

Kajian ini terbahagi kepada 6 bab yang mana setiap satunya menyentuh aspek yang khusus. Bab-bab ini disusun secara berurutan untuk memudahkan pemahaman pembaca kajian ini.

(i) Bab 1 : Pendahuluan

Bab 1 sebagai pendahuluan merupakan pengenalan kepada kajian yang dijalankan ini. Latar belakang dan pernyataan masalah yang diterangkan dalam bab ini adalah untuk menjelaskan asas yang membawa kepada keperluan mengadakan kajian ini. Seterusnya dengan meneliti kepada pernyataan masalah, matlamat dan objektif kajian ditetapkan bagi memastikan hala tuju kajian yang hendak dicapai. Bab ini juga menyentuh mengenai skop kajian supaya kajian dapat dilaksanakan secara terarah bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Berikutnya, kepentingan kajian juga disentuh untuk menerangkan manfaat kajian ini kepada pelbagai pihak. Ia diikuti dengan penjelasan ringkas mengenai metodologi kajian. Di akhir Bab 1, susun atur dan kandungan ringkas keseluruhan bagi bab-bab dalam kajian ini diterangkan.

(ii) Bab 2 : Lesen Pendudukan Sementara Dari Segi Undang-Undang dan Hak Pemegangnya

Bab kedua ini merupakan penulisan hasil dari kajian literatur. Kajian literatur menerangkan mengenai aspek ilmiah dan peruntukan undang-undang yang ada kaitan dengan aspek kajian ini khususnya mengenai LPS. Ia berasaskan sumber-sumber sekunder seperti buku-buku, akta, jurnal, kajian terdahulu dan bahan rujukan yang lain. Selaras dengan itu, Bab 2 dari awalnya memberikan penekanan terhadap kuasa pelupusan yang ada pada PBN, pihak yang layak menerimanya dan kemudiannya menjurus kepada pelupusan dalam

bentuk LPS yang menjadi subjek kajian ini. Oleh kerana itu, LPS dikupas dengan lebih terperinci iaitu dari latar belakang sejarahnya dan tujuan pemberian LPS dilakukan. Kriteria pengeluaran LPS juga turut disentuh untuk lebih memahaminya. Pemegang LPS pula mempunyai hak-hak yang terhad ke atas tanah yang dilupuskan dan dijelaskan dalam bab ini dengan merujuk kepada peruntukan yang terdapat dalam KTN dan juga keputusan-keputusan mahkamah yang telah ada.

(iii) Bab 3 : Kawasan Kajian

Pengenalan kepada kawasan kajian dimuatkan pada permulaan bab ini. Ia bertujuan untuk memberikan gambaran yang jelas mengenai kawasan kajian. Seterusnya dihuraikan lagi dengan maklumat latar belakang kawasan kajian yang terdiri dari komposisi kaum, taburan penduduk, guna tanah, pecahan pegangan LPS mengikut kegunaan dan pecahan pegangan LPS mengikut mukim. Bab ini berikutnya mengupas mengenai pelaksanaan LPS di Negeri Pahang iaitu dimulakan dengan kuasa meluluskan LPS. Kuasa ini disusur bermula dari penurunan kuasa kelulusan kepada PTD pada tahun 1980 hingga pada tahun 1998 di mana PTD diberi kuasa yang lebih luas untuk meluluskan LPS kepada syarikat dengan keluasan maksimum 50 ekar. Pada masa yang sama pengamalan dasar-dasar berkaitan LPS turut diberikan perhatian bermula dengan pengenalan Dasar Tanah Lepas pada tahun 1976 hinggalah dasar tersebut dibatalkan pada tahun 2000.

Kemudian bab ini lebih menfokuskan kepada pelaksanaan semasa yang ada kaitan dengan pentadbiran LPS seperti prosedur yang digunakan, langkah galakan pembaharuan LPS dan kutipan hasil darinya. Keseluruhan penulisan bab ini banyak disumbang oleh data

primer yang diperolehi daripada temubual dengan pegawai-pegawai berkaitan, dan rujukan dokumen-dokumen pentadbiran.

(iv) Bab 4 : Metodologi Kajian

Bab Metodologi Kajian menerangkan cara atau kaedah-kaedah yang digunakan dalam menjalankan kajian ini. Sebanyak lima peringkat dilalui dalam melaksanakan kajian ini iaitu pertama - awalan, kedua - kajian literatur, ketiga - pengumpulan data, keempat - analisis dan penemuan dan kelima - cadangan dan kesimpulan. Kelima-lima peringkat tersebut dianggap kerangka kajian untuk mencapai objektif kajian.

(v) Bab 5 : Analisis dan Penemuan Kajian

Bab ini menyentuh mengenai analisis data yang dikumpulkan melalui soalselidik yang telah disempurnakan. Analisis ini mengupas dan menterjemahkan data dari 121 soalselidik. Bab ini disusun mengikut analisis yang berkaitan dengan objektif kajian yang telah ditetapkan pada peringkat awal. Perbandingan antara beberapa angkubah dilakukan untuk meneliti corak dan kecenderungan pemegang-pemegang LPS di Pekan dan beberapa aspek yang dikaji. Penelitian tersebut dapat mengungkap fenomena sebenar berkaitan pegangan LPS. Beberapa fenomena yang berjaya diungkap menjadi penemuan kepada kajian ini.

(vi) Bab 6 : Cadangan dan Kesimpulan

Berdasar penemuan di Bab 5, beberapa cadangan penambahbaikan selaras dengan matlamat kajian telah dikemukakan dalam Bab 6 ini. Terdapat lima cadangan dikemukakan yang mana boleh dilakukan secara pentadbiran di peringkat PTD dan pengemaskinian dasar berkaitan LPS oleh PBN. Di samping itu, bab ini turut memuatkan cadangan dua kajian lanjutan yang boleh disusuli dalam menjadikan

LPS lebih kemas dan relevan dalam memenuhi aspirasi PBN dan masyarakat masa depan. Penutup kepada kajian ini, pengkaji mengemukakan kesimpulan bahawa pelaksanaan pemberian LPS sebagai prasyarat untuk pemberian hakmilik pada masa depan adalah sesuatu yang ideal dan boleh dilakukan sekiranya cadangan-cadangan kajian ini dilaksanakan terlebih dahulu.

BAB 2

**KEPENTINGAN LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA SEBAGAI
PENYUMBANG HASIL KEPADA PIHAK BERKUASA NEGERI
DAN PEMEGANGNYA (KAJIAN KES DI DAERAH PEKAN, PAHANG)**

